



**UCAPAN
YANG BERTHORMAT
DATO MAJANG RENGGI
TIMBALAN MENTERI INFRASTRUKTUR DAN
PEMBANGUNAN PELABUHAN II**

**SEMPENA:
SARAWAK FACILITY MANAGEMENT INDUSTRY
ENGAGEMENT DAY 2025 DI KUCHING SARAWAK
4 SEPTEMBER 2025 (KHAMIS)**

Terima kasih puan Pengacara Majlis,

SALUTASI MAJLIS

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan CIDB Malaysia atas kerjasama strategik mereka bersama Kerajaan Negeri Sarawak dalam menjayakan penganjuran *Sarawak Facility Management Industry Engagement Day 2025*. Komitmen Kerajaan Negeri turut dizahirkan melalui tajaan penyertaan seramai 150 peserta dalam seminar ini – bukti nyata sokongan negeri terhadap pembangunan bakat dan kapasiti dalam bidang FM.

2. Penganjuran ini juga membuktikan keyakinan kerajaan persekutuan terhadap potensi Sarawak dalam memperkukuh ekosistem pembinaan dan fasiliti, seiring dengan aspirasi pembangunan negeri ini. Pada masa yang sama, saya mengalu-alukan kehadiran semua kehormat, wakil industri, para akademik dan peserta sekalian ke bumi Kenyalang ini. Saya berasa amat

berbesar hati untuk menyempurnakan program hari yang bertemakan “*Sarawak Leads in Borneo: The Future of Sustainable Facility Management Starts Here*”.

Sarawak Mendepani Masa Depan Pengurusan Fasiliti Mampan

Hadirin yang dihormati,

3. Pemilihan tema ini jelas menunjukkan aspirasi kita untuk menjadikan Sarawak peneraju dalam bidang pengurusan fasiliti mampan. Sarawak sememangnya berada pada landasan yang tepat – negeri ini bukan sahaja giat melaksanakan agenda pembangunan mampan dan ekonomi hijau, tetapi juga menyalurkan pelaburan besar dalam projek infrastruktur strategik yang menuntut penyelenggaraan serta pengurusan fasiliti yang cekap.

4. Projek seperti Sabah–Sarawak Link Road (SSLR) dan Trans-Borneo Highway, yang merupakan kesinambungan di bawah RMK-13 dari RMK-12, turut membabitkan pelbagai komponen penyelenggaraan besar. Ini termasuk peruntukan RM500 juta untuk naik taraf jalan dan penyelenggaraan, RM50 juta khusus bagi jalan persekutuan dari Kuching hingga Lawas, serta kontrak

hampir RM70 juta untuk Lebuhraya Pan-Borneo Sarawak. Kesemua inisiatif ini menggambarkan bahawa pengurusan fasiliti kini setara dengan pelaksanaan pembinaan — memastikan kesinambungan manfaat jangka panjang dan kelestarian aset negeri.”

5. Baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah merangka Sarawak Sustainability Blueprint 2030 yang menjadi agenda bagi peralihan strategik ke arah ekonomi hijau di Sarawak. *Blueprint* tersebut menggariskan sasaran berimpak tinggi, antaranya mencapai 70% sumber tenaga boleh diperbaharui dalam campuran tenaga negeri menjelang 2030.

6. Usaha ini, bersama dasar seperti *Sarawak Energy Transition Policy* dan *Hydrogen Economy Roadmap*, membuktikan komitmen Sarawak terhadap kelestarian alam sekitar dan tindakan pro-iklim. Dalam konteks ini, pengurusan fasiliti mampan akan menjadi salah satu komponen utama dimana bangunan-bangunan di Sarawak — sama ada bangunan kerajaan, komersial mahupun kediaman — diurus secara efisien tenaga, mesra alam dan berdaya tahan. Pengurusan fasiliti yang cemerlang juga memastikan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna agar sentiasa terpelihara, sekaligus meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan.

Sidang hadirin sekalian,

7. Sarawak turut mempunyai kelebihan tersendiri yang boleh kita manfaatkan. Negeri ini sedang menuju era Bandar Pintar (Smart City), contohnya bandaraya Kuching dan Miri yang mula menerapkan teknologi digital dalam perkhidmatan bandar. Menurut kajian pasaran, pembangunan projek bandar pintar yang rancak di Sarawak telah meningkatkan keperluan terhadap perkhidmatan pengurusan fasiliti, terutamanya untuk memastikan sistem infrastruktur canggih ini diselenggara dengan baik.

8. Dari segi teknologi, kita berada di ambang revolusi pengurusan fasiliti. Integrasi kecerdasan buatan (AI), Internet of Things (IoT) dan automasi dalam FM kian pesat berkembang. Syarikat pengurusan fasiliti kini boleh memanfaatkan sensor pintar dan analitik AI untuk memantau sistem bangunan secara masa nyata, mengesan kerosakan sebelum berlaku kegagalan, serta menjimatkan tenaga dengan pengoptimuman automatik.

9. Sebagai negeri yang turut memberi penekanan kepada ekonomi digital, Sarawak menyokong penerapan teknologi-teknologi ini. Saya yakin, dengan kolaborasi bersama sektor swasta dan akademik (seperti universiti tempatan yang turut serta hari ini), kita boleh melatih lebih ramai pakar tempatan dalam

bidang smart facilities management. Ini bukan sahaja akan membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk anak Sarawak, malah memastikan aset-aset negeri diurus oleh kepakaran tempatan mengikut acuan kita sendiri.

10. Sebagai contoh projek Kenyalang Smart City, yang menggunakan AI, IoT dan 5G demi mendorong ekonomi pintar dan membuka ribuan peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk masyarakat tempatan. Projek Kuching Urban Transportation System (KUTS) - sistem ART pertama di luar China yang dibina dengan dana negeri. Walaupun teknologinya dibangunkan bersama rakan antarabangsa, aspirasi kita adalah memastikan proses ini turut melibatkan latihan dan pemindahan pengetahuan kepada tenaga kerja tempatan melalui penglibatan pemegang konsesi seperti EMGJV. Dengan cara ini, keberkesanan sistem ini bukan sahaja terjamin untuk jangka panjang, malah akan diurus oleh kepakaran anak Sarawak sendiri pada masa hadapan.

Sesi Libat Urus Khas Sarawak FM

11. Saya dimaklumkan bahawa sempena persidangan hari ini, satu sesi libat urus khas akan diadakan secara selari, melibatkan Kerajaan Negeri Sarawak, CIDB dan para pemegang taruh industri fasiliti di negeri ini. Sesi tertutup ini bertujuan untuk kita mengupas lebih mendalam isu-isu tempatan dan merangka pelan tindakan yang konkrit. Antara fokus utama sesi libat urus tersebut adalah mengenalpasti jurang pelaksanaan FM di Sarawak, membincangkan penyelesaian dan inisiatif dan mendapatkan maklum balas dan cadangan bagi pembangunan kontraktor FM tempatan

12. Saya percaya sesi libat urus ini akan menghasilkan input yang amat bernas. Hasil dapatan boleh digunakan untuk menyediakan pelan tindakan strategik memperkasa industri FM di Sarawak bagi tempoh 5-10 tahun akan datang.

13. Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan cadangan dasar yang wajar, contohnya dalam aspek mewajibkan perancangan pengurusan fasiliti bagi setiap projek pembangunan baharu di Sarawak, atau bantuan bagi syarikat yang melaksanakan inisiatif

green facility management. Apa jua idea yang konstruktif, kita akan ambil maklum dan teliti demi manfaat bersama.

Penutup

Hadirin sekalian yang dihormati sekalian,

14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya dan CIDB serta semua rakan penganjur atas inisiatif menganjurkan *Sarawak Facility Management Industry Engagement Day 2025* ini. Melihat kepada penyertaan yang menggalakkan pada hari ini, saya optimis bahawa momentum pembangunan industri pengurusan fasiliti akan semakin rancak di Sarawak selepas ini.

15. Platform hari ini yang merangkumi perkongsian amalan terbaik dan jaringan strategik antara pihak kerajaan, akademik dan swasta pasti akan membuahkan kerjasama baharu yang mampu melonjakkan mutu pengurusan fasiliti kita ke tahap yang lebih tinggi.

16. Harapan saya, agar para peserta dapat memanfaatkan sepenuhnya ilmu dan peluang jaringan yang ada. Jadikanlah Sarawak sebagai contoh negeri yang serius dalam pengurusan fasiliti mampan – negeri yang bukan sahaja membina prasarana bertaraf dunia, tetapi turut cemerlang dalam menyelenggara dan menguruskannya secara lestari. Ini selaras dengan konsep “*Sarawak Leads*” yang diangkat – bahawa masa depan pengurusan fasiliti mampan di Borneo bermula di bumi Kenyalang ini.

Sekian, terima kasih.